

MODEL BERSEPADU TOLERANSI POLITIK

*Mohd Azmir Mohd Nizah¹, Afi Roshezry Abu Bakar², Muhammad Shamshinor Abdul Azzis³

¹ Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

² Jabatan Kewartawanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, Jalan Universiti, Bandar Barat, 31900 Kampar, Perak.

³ Pusat Latihan Intern & Pengayaan Akademik (CITrA), Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

*Corresponding author's email: azmirmizah@usim.edu.my

ABSTRAK

Toleransi merupakan nilai yang sangat penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang pelbagai. Ia bukan sahaja sekadar proses kognitif, tetapi juga terjemahan sikap. Toleransi politik merujuk kepada sifat dan sikap menerima dan menghormati hak asasi dan sivil yang berlainan daripada pilihan sendiri. Oleh kerana pandangan politik yang rencam, ia mengundang kepelbagaian dan mewujudkan konflik. Oleh yang demikian, pengukuran tahap toleransi politik sangat penting dalam indikasi kesejahteraan Malaysia. Ini kerana tiada model khusus, dan model ini boleh menjadi panduan, seterusnya boleh membantu memformulasi sebuah tindakan efektif berlaku. Makalah ini membincangkan dimensi dan sub dimensi sebagai indikator indeks hasil daripada ulasan kritikal. Kemudian makalah mencadangkan pembinaan item berdasarkan dimensi. Terdapat tiga dimensi asas iaitu sosial, psikososial dan sumber politik. Terdapat pelbagai sub-dimensi yang ada. Maka, adalah wajar model bersepadu toleransi politik penting kerana ia bukan sahaja sebagai alat ukuran, tetapi juga menterjemah situasi politik semasa Malaysia.

Keywords: Toleransi, Agama, Etnik, Inovasi, Psikologikal, Sains Politik

1. PENGENALAN

Toleransi politik yang merupakan sebahagian daripada indikator yang digunakan untuk melihat kerencaman, kepelbagaian serta kesepaduan masyarakat di seluruh dunia. Ini dapat dilihat dalam banyak kajian oleh ilmuan mahupun firma-firma kajian seperti General Social Survey (GSS), World Values Survey (WVS), Gallup World Poll (GWP), Pew Research Centre, Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), Freedom House, Accept Pluralism Project dan sebagainya. Sarjana barat menggambarkan bahawa toleransi adalah berkait rapat dengan kebebasan politik, dan pengamalan sivil. Oleh yang demikian, toleransi sejak itu dipandang sebagai prasyarat yang diperlukan untuk mencapai tujuan demokrasi. Di Malaysia, kajian toleransi *per se* jarang dibahaskan dan tidak menarik perhatian ilmiah dengan serius jika dibandingkan dengan pengajian etnik politik dan konflik (Nizah et al., 2017). Indeks toleransi pula tidak dapat dipastikan kewujudannya walaupun Indeks Perpaduan Negara dan Indeks Patriotisme & Perpaduan Nasional telah ada. Bukti empirikal menunjukkan bahawa toleransi adalah penting dalam menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian sosial (Korol, 2017). Oleh yang demikian, adalah penting model toleransi politik di Malaysia di formulasi dan diketahui tahap toleransi agar tindakan yang bersasar dapat dibuat.

Toleransi diakui sebagai nilai yang sangat perlu dan penting dalam masyarakat pelbagai di seluruh dunia sebagaimana yang tercatat di dalam *Al-Qur'an*, malahan juga dalam kitab agama lain seperti Veda dan Upanishad, Bible, Tripitaka dan sebagainya. Perbincangan toleransi juga dapat diamati daripada zaman negara-bandar Greek hinggalah kepada keagungan kerajaan Islam Uthmaniyyah. Toleransi dapat dilihat daripada kewujudan negara moden Eropah hinggalah kepada pembentukan negara pasca kolonial. Ia sering dilihat sebagai nilai asas demokrasi dan juga indikasi kohesi sosial.

Toleransi dianggap sebagai kesanggupan secara sukarela untuk menerima perbezaan pendapat, fahaman ataupun perlakuan. Ia juga berkaitan dengan kesediaan untuk memberi ruang kepada kumpulan atau fahaman yang tidak disukai iaitu termasuklah kesaksamaan jantina, etnik, perundangan, sosial dan politik.

Dalam konteks Islam, toleransi merupakan sikap (akhlak) yang terjelma daripada keperibadian Rasulullah SAW sebagaimana yang tercatat di dalam Surah Al-Qalam:4 iaitu akhlak yang mulia dan *Al-Hadith* Riwayat Baihaqi dalam Sunan Al-Kubra, hadis nombor 20782 tentang diutusnya Rasulullah SAW sebagai penyempurnaan akhlak mulia. Maka jelaslah, *Rahmatan Lil 'Alamin* boleh dilihat daripada keperibadian Rasulullah SAW yang pastinya penuh dengan toleransi, mahupun di dalam *Al-Qur'an*, yang juga merupakan sumber *Rahmatan Lil 'Alamin* dengan ayat-ayat yang berkaitan toleransi (Nizah, 2019).

Di Malaysia, perbincangan, pengukuran dan pengawasan tentang toleransi, samada daripada dimensi agama, etnik dan juga politik bermula secara empirikal apabila tercetusnya tragedi 13 Mei 1969. Jika dilihat daripada konteks pensejarahan, Empayar Melaka membuktikan kepelbagaian yang wujud sebagai *rahmah* kepada kemakmuran Melaka. Maka toleransi terus dilihat sebagai jalan penyelesaian dalam mengurus kepelbagaian masyarakat Malaysia yang berbeza etnik, agama dan fahaman politik. Secara amnya, kondisi masyarakat Malaysia boleh dikategorikan sebagai aman, tetapi terlalu banyak isu-isu yang wujud yang boleh membawa kepada perbalahan etnik (Nizah et al., 2018).

Pasca 9 Mei 2018 telah membawa Malaysia secara politik kepada satu perkembangan baharu, tetapi mempunyai reaksi yang berbeza kerana soal toleransi politik, etnik dan agama mula menjadi ancaman kepada keharmonian Malaysia. Sehingga Mac 2021, tidak kurang daripada 20 insiden kecil berlaku yang melibatkan soal toleransi agama, etnik dan politik di Malaysia. Persoalannya ialah pemahaman, pengukuran dan dokumentasi tentang toleransi masyarakat Malaysia yang dibuat secara longitudinal tidak wujud walaupun dalam Wawasan 2020 telah menggariskan Cabaran ke 5 tentang mewujudkan masyarakat Malaysia yang toleran. Dalam pada itu, indeks-indeks yang telah wujud atau sedang dan telah digunapakai, hanya merujuk secara spesifik terhadap dimensi toleransi yang terasing dengan realiti masyarakat. Indeks yang secara komprehensif merangkumi ketiga-tiga dimensi toleransi tidak wujud dan ini memberi cabaran sebenar dalam konteks pemantauan, pelaporan dan pengukuhan toleransi masyarakat Malaysia. Adalah menjadi satu keperluan agar dimensi-dimensi toleransi di analisa secara empirik; kemudian tema dan konstruk yang wujud dinilai agar dapat memberi sumbangan terhadap pembentukan toleransi secara berstruktur; dan model baharu toleransi agar dapat menjadi panduan dalam membina tamadun Malaysia.

2. METODOLOGI

Makalah ini menggunakan teknik Carian Literatur Sistematis atau *Systematic Literature Review* (SLR) dengan menggunakan carian protocol *Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis* (PRISMA) (Moher et al., 2009). Pengkalan data yang dirujuk adalah Scopus, Web of Science, ScienceDirect, ProQuest, Mendeley.com dan Google Scholar. Carian frasa menggunakan operasi Boolean OR atau/dan AND dengan manual jejak kebelakang, dan jejak kehadapan.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji toleransi politik berpandangan bahawa tahap toleransi politik yang tinggi mampu untuk menyumbang kepada penurunan konflik etnik dan memapankan nilai demokrasi (Arwine & Mayer, 2013; Oskarsson & Widmalm, 2016). Literasi toleransi politik dapat dilihat banyak membahaskan tentang faktor penentu, keadaan, isu dan juga tahap sikap toleran itu sendiri. Tetapi ukuran yang digunakan dalam mengukur tahap toleransi politik adalah bersifat prejudis, iaitu mengukur penerimaan terhadap ideologi politik, atau ideologi parti politik. Sedangkan, seharusnya ukuran tersebut berkisarkan tentang setakat mana boleh diterima ideologi parti atau ideologi politik dalam menerima kepelbagaian yang wujud. Ia bertambah sukar, apabila di Malaysia parti politik bersinkronisasi dengan etnik dan agama. Maka, usaha untuk dimengertikan warga amat penting dalam usaha menjadikan toleransi sebagai alat 'jeleket' sosial masyarakat Malaysia, seterusnya menjadi wadah yang boleh membawa kebaikan kepada seluruh alam (Nizah, 2019).

3.1: Indikasi Sosial

Indikasi sosial atau ciri-ciri sosial telah dibuktikan secara empirikal mempunyai korelasi dengan sikap toleransi politik seseorang. Umur merupakan salah satu indikasi penting dalam mengukur sikap toleransi politik dengan orang muda menunjukkan sikap toleransi politik lebih tinggi berbanding dengan orang yang lebih tua (Janmaat & Keating, 2019). Terdapat juga kajian membuktikan bahawa wujud hubungan antara umur dan sikap yang lebih radikal dalam pengundian (Azelton et al., 2019; Mohd Nizah & Mohd Sharif, 2020). Jantina juga mempunyai korelasi yang signifikan terhadap sikap toleransi politik. Kebanyakan kajian mendapati lelaki lebih bersikap toleransi secara politik berbanding wanita. Kumpulan etnik juga didapati mempunyai korelasi dengan sikap toleransi politik yang merujuk kepada sekumpulan manusia yang saling mengenali berdasarkan sifat sepunya seperti tradisi, bahasa, keturunan, masyarakat, budaya, bangsa atau sosial di sesuatu kawasan geografi.

Selain daripada itu, agama juga merupakan faktor yang mempunyai korelasi signifikan dengan toleransi politik. Ada juga kajian yang membuktikan wujud korelasi antara denominasi agama dengan sikap toleransi politik. Identifikasi parti juga memainkan peranan yang signifikan dalam pengukuran tahap toleransi politik individu. Identifikasi parti beerti kesetiaan seseorang kepada sesebuah parti sehingga parti sebagai sebahagian daripada dirinya. Kajian lanjut juga mendapati identifikasi parti mempengaruhi kelakuan mengundi, termasuklah sikap toleransi politik (de Leon & Rizzi, 2016). Ini semua adalah berdasarkan hasrat John Stuart Mill 1861 sebagaimana yang dijelaskan dalam teori demokratik elitisme dan model pembelajaran demokratik bahawa proses turun dan naik sistem demokrasi dan sistem federalisme mempunyai korelasi yang signifikan terhadap toleransi politik. Oleh yang demikian, semua faktor yang telah dibincangkan diatas didapati mempunyai korelasi yang signifikan terhadap pembentukan nilai dan sikap toleransi politik.

3.2: Indikasi Psikologikal

Indikasi psikologikal merujuk kepada sifat-sifat atau ciri-ciri yang berkait rapat dengan personaliti serta sifat abstrak terhadap sesebuah kefahaman atau ideologi. Banyak kajian telah dilakukan dalam mengesahkan korelasi antara indikasi psikologikal dan sikap toleransi politik seseorang (Claassen & Gibson, 2016).

Kajian terdahulu mendapati personaliti yang merujuk kepada keperibadian, sahsiah dan perwatakan dan ia mempunyai perkaitan langsung dengan sikap toleransi politik (Sztejnberg & Jasiński, 2018). Personaliti didapati mempunyai penjelasan yang memuaskan dalam ukuran sikap toleransi politik. Ini kerana, personaliti, terutamanya berdasarkan Teori Keperibadian Lima Besar mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap sikap toleransi politik, termasuklah personaliti autoritarian. Patriotisme juga secara empirikalnya mempunyai pengaruh terhadap sikap toleransi politik. Nasionalisme pula, sebagai suatu gagasan atau doktrin yang bertujuan untuk memelihara kepentingan masyarakat umum seterusnya mempunyai pengaruh yang signifikan dalam interaksinya terhadap kedatangan kelompok manusia yang lain dan akhirnya boleh berkongsi kehidupan dengan masyarakat peribumi. Manakala tingkahlaku atau sikap telah diakui mempunyai korelasi yang jelas terhadap kualiti kepimpinan, seterusnya mengangkat agenda toleransi politik (Mun et al., 2019) dengan perbezaan yang wujud antara konformist dan bukan konformist serta berprinsip. Oleh yang demikian, faktor-faktor yang telah dibincangkan diatas perlu dipertimbangkan dalam pembinaan indeks toleransi politik kerana ia telah dibuktikan dan secara empirikalnya mempunyai korelasi yang signifikan.

3.3: Indikasi Politik


Bagi indikasi politik, perbincangan toleransi politik sebagai sebuah konsep yang terhasil daripada proses politik adalah sangat penting. Subkonstruk yang dibincangkan dibawah diharap mampu menampung kekurangan toleransi politik sebagai konsep dan hasil daripada proses politik. Ideologi yang boleh didefinisikan sebagai sebuah idea atau kefahaman yang digunakan atau yang dicita-citakan sebagai dasar terhadap sesebuah negara, kepercayaan, atau sesuatu sistem politik. Banyak kajian lepas mendapati ideologi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap sikap toleransi politik seseorang atau sesebuah masyarakat. Sistem demokrasi seringkali digambarkan mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembentukan sikap toleransi politik terutamanya dalam perbezaan jalur kanan atau kiri, atau konservatif dan liberal.

Media juga memainkan peranan yang besar sebagai medium perantara penglibatan politik dan pembinaan identiti (Ismail, 2020). Media juga memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan sikap toleransi politik. Toleransi politik melalui media massa dilihat sebagai keadaan yang terbuka, penyampaian pandangan yang berhemah tanpa mengherdik, atau membuat hantaran hentaman, penderaan emosi dan fizikal, sehingga boleh menjatuhkan maruah terhadap pandangan dan pegangan politik yang berbeza. Ini kerana kajian lepas mendapati walaupun media mempunyai signifikan terhadap pembentukan sikap toleransi, tetapi ia juga membawa risiko (Barnidge et al., 2018) dalam kebanyakan negara. Media harus proaktif dan progresif berbanding hanya sebagai penyampai bagi pihak-pihak berkepentingan berbanding kepentingan nasional. Ia adalah sebuah pendidikan tidak formal dalam membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai minda terbuka dan toleran.

Pendidikan, secara formal sebenarnya mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan sikap toleransi politik. Dalam kajian berkaitan toleransi, banyak kajian-kajian klasik mendapati tahap pendidikan memainkan peranan yang sangat signifikan terhadap pembentukan sikap toleransi. Terdapat dua hipotesis berkaitan pengaruh pendidikan terhadap sikap toleransi politik. Pertama, tahap pendidikan yang tinggi diterima oleh seseorang, maka semakin tinggi sikap toleransi politiknya. Ini adalah merujuk kepada penerimaan pendidikan di pelbagai peringkat, daripada yang rendah hingga ke pengajian tinggi. Pendidikan melenturkan prejudis, menambah pengetahuan dan informasi, memperkasa kemampuan kognitif dan mengenengahkan nilai-nilai universal dan norma. Kedua, pendidikan demokratik meningkatkan tahap toleransi politik di peringkat individu. Silibus pendidikan nasional juga mempengaruhi pembentukan sikap toleransi politik seseorang. Kajian lepas mendapati wujud pengaruh signifikan kurikulum terhadap pembentukan sikap toleransi politik di sekolah mahupun di universiti (Fancher, 2021; Hussain & Akram, 2021; Maurissen et al., 2020; Verkuyten & Killen, 2021), tetapi dapatan berbeza di negara yang homogen, walaupun dengan pengaruh umur seorang dewasa (Dadon-Golan et al., 2021). Oleh kerana pengaruh pendidikan sangat signifikan dalam pembentukan sikap toleransi politik, maka adalah sangat penting konstruk pendidikan dan subkonstruk tahap pendidikan menjadi sebahagian daripada elemen dalam pembinaan indeks toleransi politik.

Tahap urbanisasi juga indikator penting. Perbezaan geografi, tahap urbanisasi serta demografi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemupukan sikap toleransi. Kebanyakan karya mendapati, kawasan urban mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan sikap terbuka, bertoleransi dan mempunyai sikap kesedaran sivik yang lebih baik berbanding kawasan bukan urban. Terdapat juga kajian yang mendapati, kesan urbanisasi juga bergantung kepada corak petempatan, populasi hegemon serta perbezaan bahasa. Dengan indikator urbanisasi boleh meningkatkan tahap penglibatan sivik, oleh yang demikian adalah amat wajar sekiranya penglibatan sivik juga menjadi subkonstruk bagi pengukuran toleransi politik. Holbein & Hillygus (2020) menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti politik dan sivik meningkatkan tahap toleransi politik dalam kalangan orang muda. Penyertaan sivik meningkatkan tahap toleransi politik. Penglibatan sivik berkait rapat dengan nilai demokratik. Dalam kajian-kajian lepas, nilai demokratik seperti sokongan terhadap sistem demokrasi, persoalan kesaksamaan, keadilan, kedaulatan undang-undang, kepercayaan kepada institusi kerajaan dan negara, serta perwakilan yang pluralistik mampu mengukur tahap toleransi politik. Penglibatan politik secara langsung boleh dilihat melalui pengukuran minat, identifikasi politik serta penglibatan dalam pilihanraya. Semua faktor ini mampu mengukur penglibatan politik dan secara langsung, mampu mengukur tahap toleransi politik. Wujud pengaruh yang signifikan antara penglibatan politik, sivik dan pemupukan sikap toleransi politik. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan-dapatan empirikal tersebut, ia mampu menyumbang kepada penentuan faktor-faktor pembinaan indeks toleransi politik.

Rajah 1. Model Bersepadu Toleransi Politik menggambarkan model cadangan sebagaimana analisa daripada sumber-sumber terdahulu



Rajah 1 Model Bersepadu Toleransi Politik

4. SUMBANGAN DAN KEGUNAAN

Cadangan model ini dapat membantu para penyelidik dalam toleransi politik melihat dalam ketiga-tiga faktor penyumbang dalam menganalisa toleransi politik. Penyelidik juga boleh membuat analisa secara berasingan terhadap faktor yang dicadangkan. Ini akan dapat memudahkan penyelidik membuat kajian secara berfokus terhadap faktor-faktor penyumbang toleransi politik, dan juga memudahkan penyelidik membuat analisa statistik yang lebih komprehensif dalam masa yang mendatang. Dalam konteks polisi pula, ia dapat memudahkan pembuat polisi meneliti setiap aspek tanpa perlu membuat kajian kebelakang. Ini dapat memendekkan masa serta dapat melihat ke hadapan. Pendekatan *future's triangle* dalam pendekatan futuris juga boleh dilaksanakan dengan pantas kerana kebarangkalian faktor telah dianalisa terlebih dahulu.

5. KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan diatas, melalui metodologi kajian yang ringkas dan bersistematik, beberapa faktor utama telah dikenalpasti. Berdasarkan dapatan, faktor sosial, psikososial serta sumber politik telah dikenalpasti sebagai faktor utama yang mampu mengukur tahap toleransi politik. Setiap faktor tersebut mempunyai sekurang-kurangnya lima sub faktor, dan dimensi yang pelbagai. Oleh yang demikian, makalah ini mampu menjadi sebuah rujukan utama dalam perbincangan toleransi politik. Model cadangan adalah langkah seterusnya dalam membina sebuah indeks yang komprehensif serta mampu mengukur dan mencerap secara realistik tahap toleransi politik, sekurang-kurangnya di Malaysia.

RUJUKAN

- Arwine, A. T., & Mayer, L. C. (2013). *The Changing Basis of Political Conflict in Advanced Western Democracies*. <https://doi.org/10.1057/9781137306654>
- Azelton, A., Barrowman, B., & Reppell, L. (2019). *Raising Their Voices : How effective are pro-youth laws and policies ?* <https://www.ndi.org/publications/raising-their-voices-how-effective-are-pro-youth-laws-and-policies>
- Barnidge, M., Huber, B., Zuniga, H. G. de, & Liu, J. H. (2018). Social Media as a Sphere for “Risky” Political Expression: A Twenty-Country Multilevel Comparative Analysis. *Politics*, 23(2), 161–182. <https://doi.org/10.1177/1940161218773838>
- Claassen, C., & Gibson, J. L. (2016). *Macro-Tolerance and Protest: Does a Culture of Political Intolerance Dampen Dissent?* http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2754211
- Dadon-Golan, Z., Ziderman, A., & BenDavid-Hadar, I. (2021). Does university attendance impact students’ political tolerance and open-mindedness: the atypical case of Israel? *Journal of Applied Research in Higher Education*. <https://doi.org/10.1108/jarhe-02-2020-0040>
- de Leon, F. L. L., & Rizzi, R. (2016). Does forced voting result in political polarization? *Public Choice*, 166(1–2), 143–160. <https://doi.org/10.1007/s11127-016-0318-7>
- Fancher, A. P. (2021). The American Taboo and Its Impact on Learning: Building Tolerance with More Politics, Not Less. *The Social Studies*, 112(1), 1–13.

- <https://doi.org/10.1080/00377996.2020.1792819>
- Holbein, J. B., & Hillygus, D. S. (2020). *Making Young Voters Converting Civic Attitudes into Civic Action*. Cambridge University Press.
- Hussain, N., & Akram, B. (2021). Predictors of Interpersonal Tolerance among School Children: A Demographic Study. *Global Sociological Review*, *VI*(I), 48–53.
- Ismail, N. (2020). Youth' s Usage of New Media: Exploring Learning and Identity Formation. *The Qualitative Report*, *25*(10), 3733–3748.
- Janmaat, J. G., & Keating, A. (2019). Are today's youth more tolerant? Trends in tolerance among young people in Britain. *Ethnicities*, *19*(1), 44–65. <https://doi.org/10.1177/1468796817723682>
- Korol, L. D. (2017). Is the Association Between Multicultural Personality and Ethnic Tolerance Explained by Cross-Group Friendship? *The Journal of General Psychology*, *144*(4), 264–282. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1080/00221309.2017.1374118>
- Maurissen, L., Barber, C., & Claes, E. (2020). Classroom discussions and political tolerance towards immigrants: the importance of mutual respect and responsiveness. *Acta Politica*, *55*(2), 242–266. <https://doi.org/10.1057/s41269-018-0114-0>
- Mohd Azmir Mohd Nizah, (2015). On Malaysia's Ethnic Tolerance: A Study of Two Cities. *Research Journal of Applied Sciences*, *10*(8), 294–297. <https://doi.org/10.3923/rjasci.2015.294.297>
- Mohd Nizah, M. A., & Mohd Sharif, S. (2020). Undi 18: Belia dan Politik Konvensional. *Sains Insani*, *5*(1), 180–186. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.181>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., & Altman, D. G. (2009). Guidelines and Guidance Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement. *PLoS Med*, *6*(7 e1000097). <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1000097>
- Mun, K., Rojas, H., Coppini, D., & Cho, H. (2019). Political tolerance of demobilizing armed actors: The case of FARC in Colombia. *Media, War and Conflict*. <https://doi.org/10.1177/1750635219874734>
- Nizah, M. A. M. (2019). Toleransi Sebagai Nilai Primer Perpaduan Seluruh Alam. In . Shukran Abd Rahman & Haslina Ibrahim (Eds.), *Rahmatan Lil 'Alamin Dalam Konteks Masyarakat Kontemporari* (pp. 169–179). IIUM Press & Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Nizah, M. A. M., Samsu, K. H. K., Azzis, M. S. A., & Bakar, A. R. A. (2017). Ethnic Tolerance in Urban Malaysia. *Advanced Science Letters*, *23*(4), 2637–3816.
- Nizah, M. A. M., Sulaiman, M., Mohamad, A. S. @, & Latiff, L. A. (2018). Ethnicity, Urbanity and Political Tolerance in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*, *8*(1), 12–20. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2018.81.12.20>
- Oskarsson, S., & Widmalm, S. (2016). Personality and Political Tolerance: Evidence from India and Pakistan. *Political Studies*, *64*(1), 235–254. <https://doi.org/10.1111/1467-9248.12169>
- Sztejnberg, A., & Jasiński, T. L. (2018). Measurement of the tolerance general level in the higher education students. *International Journal of Latest Research in Humanities and Social Science*, *01*(04), 1–7.
- Verkuyten, M., & Killen, M. (2021). Tolerance, Dissenting Beliefs, and Cultural Diversity. *Child Development Perspectives*, *15*(1), 51–56. <https://doi.org/10.1111/cdep.12399>